

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8/5/2013

# PRU-13: Dr. M kecewa, terkejut

UM - 8/5/2013



**UTUSAN: Bagaimana pandangan Tun terhadap keputusan PRU-13 terutama kemerosotan kerusi Parlimen di pihak Barisan Nasional (BN)?**

**Tun Dr. Mahathir:** Saya berharap BN kali ini akan mendapat lebih kerusi berbanding 2008. Saya agak kecewa dan terkejut apabila mendapati BN akhirnya mendapat kurang daripada 2008. Pada 2008 pada masa itu kita percaya disebabkan kekecewaan orang Melayu terhadap pemerintahan Abdullah (Tun Abdullah Ahmad Badawi). Tetapi ini bukan Abdullah, kali ini Najib, (Datuk Seri Najib Tun Razak) dan kita lihat prestasinya kurang baik daripada Abdullah. Ini adalah sesuatu yang saya sendiri tidak sangka kerana saya percaya dia akan mendapat lebih tetapi akhirnya bahawa prestasi Najib kurang daripada Abdullah.

**Dalam PRU-13 menyaksikan tsunami Cina, apa komen Tun?**

Memang ada tsunami Cina. Saya dah sebut beberapa kali dalam kempen terutama di Johor di mana saya menegaskan Johor adalah kubu bagi konsep kongsi antara Melayu, Cina dan India. Tetapi dengan datangnya Lim Kit Siang, dia bawa Malaysian Malaysia. Tujuannya ialah untuk menimbulkan kebencian Cina terhadap Melayu yang kononnya memiliki segala-galanya selepas merdeka. Jadi dengan dia menghasut orang Cina supaya benci Melayu dan sokong DAP, maka ini nampaknya berkembang ke seluruh negara, sehinggakan kebanyakan orang Cina menolak tangan persahabatan daripada orang Melayu dan berlakunya tsunami.

Pada masa yang sama kita tidak boleh kecualikan orang Melayu yang sudah menjadi ta-

mak. Masing-masing hendakkan kuasa tanpa mengambil kira cara mana. Kalau perlu jual bangsa pun mereka sanggup kerana ingin mendapat tempat. Mereka berpecah kepada tiga buah parti, dan dalam parti-parti ini pun terdapat perpecahan termasuk dalam UMNO. Kerana itu orang Melayu menjadi lemah dan mengemis sebab itu tsunami Cina dapat berlaku. Tidak mungkin ada tsunami Cina kalau Melayu tidak tamak.

**Apa Saranan Tun kepada orang Melayu yang tamak ini?**

Jangan berpecah sahajalah. Tetapi orang Melayu nampaknya tidak faham. Mereka ingat PRU-13 untuk dapat tempat, untuk dapat gaji dan dapat jadi Yang Berhormat bukan untuk berkhidmat untuk agama, bangsa dan tanah air. Mereka juga lupa sama sekali perjuangan orang Melayu. Sebaliknya mereka nampak ini peluang dapat kerja, macam minta kerja. Kalau menang boleh dapat kerja yang bagus, dapat elaun, dapat kemudahan. Mereka tidak nampak election satu cara untuk membentuk kerajaan. Dengan itu mereka berebut nak dapat tempat bagi diri sendiri. Ada juga yang berpendapat kalau mendapat tempat, kita boleh dapat keuntungan banyak, dapat projek dan sebagainya.

**Pencapaian BN merosot tetapi pencapaian UMNO meningkat, bagaimana perkara ini boleh dikaitkan dengan kedudukan Najib sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO?**

Mengikut Perlembagaan, kedudukannya sebagai Presiden dan Perdana Menteri adalah kekal. Selagi ahli-ahli UMNO memberi sokongan maka kedudukannya kekal. Secara keseluruhannya Najib telah mencapai majoriti mudah dan dia ada hak untuk menjadi ketua kerajaan. Bagaimanapun tentunya ada yang akan mempersoalkan kemampuan, strategi dan pelbagai perkara lagi yang menyumbang kepada prestasi teruk BN. Mengenai

UMNO, alasan kenapa pencapaian UMNO meningkat adalah kerana ada dalam kalangan orang Melayu yang sadar bahawa kekalahan orang Melayu dalam pilihan raya akan mengugat kedudukan mereka. Mereka terutama yang kecewa dengan perdana menteri sebelum ini datang balik terutamanya di Kedah.

**DAP mendakwa mewakili pelbagai bangsa dan sokongan terhadap DAP daripada bukan Melayu dan India semakin meningkat dalam PRU-13 tetapi pada masa yang sama sokongan orang Cina terhadap BN juga parti pelbagai bangsa semakin merosot?**

Propaganda DAP bahawa kerajaan ini rasuah dan kerajaan ini kerajaan Melayu yang rasuah. Propaganda ini menyentuh hati orang Melayu yang terpelajar. Mereka mahukan kerajaan yang bersih dan terpengaruh dengan dakwah bahawa DAP memerangi gejala rasuah dan untuk tujuan itu mesti jatuhkan kerajaan pimpinan Melayu. Sebab itu kita dapat keputusan begitu.

**Apa komen Tun tentang dakwaan Anwar kemenangan BN dalam PRU-13 disebabkan penipuan SPR?**

Saya pernah menulis tentang perkara ini di dalam blog saya. Mereka merancang untuk mengadakan demonstrasi Bersih kalau pakatan kalah. Demonstrasi itu digunakan untuk tunjuk kepada dunia bahawa negara kita tidak demokratik, dipimpin kerajaan oleh kerajaan menipu supaya mendapat simpati daripada negara luar yang pernah menjajah kita. Mereka sememangnya tidak senang hati melihat kejayaan negara kita lebih baik berbanding zaman kolonial. Kita bukan sahaja capai kejayaan malah dipimpin oleh orang Melayu dan Islam. Islam kini menjadi musuh sejagat dalam kalangan banyak orang di barat.

Mereka tidak mahu tengok sebuah negara di bawah pimpinan orang Islam mencapai kemajuan, dan bila ada pihak kata kerajaan Islam menipu maka mereka akan guna alasan itu untuk membelasah kerajaan Malaysia sepanjang masa. Kalau boleh mereka ingin lihat diadakan pilihan raya sekali lagi, kerana mungkin dengan itu orang Islam menjadi lebih lemah akhirnya mereka akan hilang kuasa sama sekali.

